

06/11/2000

Beri peluang wanita muda Melayu mantapkan perjuangan

Pemerhati Umno

PENUBUHAN Puteri Umno akhirnya menjadi kenyataan.

Walaupun belum dibincang dengan terperinci mengenai perlembagaan dan kelayakan umurnya, namun persetujuan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi kelegaan kepada tenaga Melayu muda yang ingin mencorakkan semula kanvas politik tanah air.

Dengan persetujuan ini, Majlis Tertinggi Umno akan bermesyuarat untuk berbincang dengan lebih teliti mengenai draf perlembagaannya pada 18 November nanti.

Apa yang menariknya ialah pengerusi Puteri Umno akan dilantik secara automatik menjadi ahli Majlis Tertinggi. Ini adalah pengiktirafan besar kepada wanita amnya dan tenaga muda wanita khususnya.

Pembabitan wanita dalam Umno memang tidak dapat dinafikan. Walaupun mereka tidak menyerlah di pentas pemedato atau lantang menyuarakan hasrat, namun wanita adalah tulang belakang bagi Umno.

Dalam melaksanakan sesuatu kegiatan atau aktiviti yang dianjurkan oleh parti, Umno memang mengharapkan wanita sebagai pembantu. Dalam kebanyakan aktiviti pula, wanita adalah peserta majoriti dan tanpa mereka, majlis akan lengang. Wanita jugalah yang dibawa ke sana ke mari untuk memeriahkan sesuatu majlis.

Hasil Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menyerlah (walaupun pencapaiannya perlu diperbaiki), kini ramai anak Melayu yang berjaya menamatkan pengajian mereka di universiti di dalam atau di luar negara. Ini termasuk anak gadis Melayu yang mempunyai kepakaran dan kebolehan luar biasa.

Kalau dulu mereka adalah gadis pingitan yang hanya menunggu pinangan, kini mereka adalah profesional setanding rakan lelaki. Malah di kalangan tenaga profesional Melayu, merekalah yang menjadi majoriti. Ini memang tidak dapat dinafikan lagi.

Setiap kali sesi pengambilan pelajar baru di universiti, ramai gadis Melayu yang bercita-cita tinggi membuktikan perangkaan ini. Mereka lebih ramai daripada pemuda Melayu dengan nisbah 2:1 atau 3:1.

Mereka membuktikan pencapaian keputusan peperiksaan yang lebih baik kerana mereka mempunyai komitmen terhadap pelajaran. Apabila mereka sudah menamatkan pelajaran, mereka juga adalah wanita yang komited kepada pekerjaan dan keluarga mereka.

Setiap tahun, tenaga muda bertambah sebanyak 12.5 peratus. Bilangan tenaga baru yang berada dalam lingkungan umur 18-40 tahun sekarang ialah 12.5 juta orang.

Bilangan wanita boleh dianggarkan seramai 6.25 juta, iaitu separuh dari angka yang diberikan. Dalam angka seramai ini, katakan 10 peratus yang komited kepada perjuangan Melayu/Islam tetapi belum menjadi ahli mana-mana parti politik, maka akan berjumlah 625,000.

Jika daripada seramai ini, Puteri Umno mampu menarik 10 peratus setiap tahun, maka dalam tempoh lima tahun, ia akan berjumlah 312,500 orang gadis Melayu yang menjadi teras dalam memantapkan perjuangan Umno.

Dengan kedudukan mereka sebagai profesional, mereka dengan mudah dapat mempengaruhi sebilangan besar rakan mereka.

Mereka mampu mempengaruhi undi dalam pilihan raya. Yang lebih penting ialah mereka mempunyai hala tuju perjuangan yang mantap.

Menyedari begitu ramainya tenaga muda yang berpotensi menggerakkan Umno, sudah sepatutnya Puteri Umno diberikan tempat. Masalah mengenai umur dan kedudukan mereka dalam Umno adalah masalah kecil yang nanti akan

diperbincangkan.

Apabila kepemimpinan sekarang bersetuju dengan penubuhan Puteri Umno, ia adalah sebahagian daripada pengorbanan. Mereka memberikan sedikit laluan kepada tenaga muda. Mereka diberikan ruang dan landasan untuk bergerak dan bersuara.

Kita tidak mampu menutup mulut setiap daripada mereka. Mereka sudah dewasa dan sudah mempunyai tanggungjawab kepada keluarga dan pekerjaan mereka. Apakah kita mahu mendengar mereka bergerak dan berteriak dari seberang (melalui pembangkang)?

Cuba bayangkan jika tenaga muda ini dibiarkan dan pembangkang mengambil kesempatan. Pembangkang tanpa usaha yang bersungguh-sungguh mampu mempengaruhi kebanyakan anak Melayu dalam isu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ini adalah teori domino yang mana ledakan di pusat pengajian tinggi di ibu kota, gelombangnya dirasakan hingga ke selatan tanah air. Kita tidak mahu melihat senario yang menakutkan ini berpanjangan dan berulang lagi.

Pembangkang akan menggunakan isu-isu sensasi yang menyentuh perasaan anak muda. Umno perlu mewujudkan anak muda yang mempunyai jiwa perjuangan yang teguh. Bukannya pemimpin yang takut pada bayang-bayang sendiri.

Jika itu yang dikehendaki orang muda, mengapa selalu dikecewakan. Penolakan penubuhan Puteri Umno dilihat sebagai percubaan menyumbat mulut wanita muda dan merendahkan kebolehan mereka. Ini boleh dilihat dari beberapa alasan.

Pertama, Wanita Umno tidak menyedari bahawa ramai tenaga muda Melayu telah jemu pada Umno. Kalau dilihat daripada sambutan di universiti, kita memang dapati Umno memang sukar mendapat tempat.

Malah, yang menghairankan perubahan ini sudah melimpah kepada pekerja wanita di sektor perkilangan. Wanita Umno masih tidak dapat merasakan perubahan ini.

Jika Pemuda Umno mampu memasuki kampus untuk memberikan penerangan dan beramah mesra dengan kepemimpinan mahasiswa, Wanita Umno tidak mampu.

Malah, kalau dibandingkan dengan usaha yang dilakukan oleh Dewan Muslimat Pas dengan menganjurkan aktiviti bersama mahasiswi, Wanita Umno masih jauh ke belakang.

Kedua, Wanita Umno masih merasakan sumbangan pemudi dalam parti politik ibarat anak dara pingitan yang hanya layak menghidangkan air. Mereka harus sedar proses liberalisasi pelajaran sudah memberikan tempat kepada wanita untuk bersuara dan membuat keputusan.

Kekuatan mereka perlu diakui dan mereka perlu diserapkan. Mereka mampu menguruskan kerja di pejabat dan di rumah, mereka juga mampu menguruskan parti.

Ketiga, sebilangan pemimpin Wanita Umno tidak menyedari ramai profesional wanita Melayu yang lebih menjurus kepada pembangkang dan menentang kepemimpinan sekarang. Mereka bukannya menentang kepemimpinan Melayu tetapi bosan dengan kerenah kepemimpinan yang ada sekarang kerana tidak mahu mendengar luahan perasaan mereka.

Dengan itu, mereka menyertai pembangkang. Mereka diberikan tempat di sana. Perubahan perlu dilakukan dengan memberi tempat kepada mereka menyuarakan isu-isu wanita muda yang hanya dirasai mereka.

Mereka juga mampu memberikan pendapat yang bernas dalam menguruskan negara seperti mereka lakukan di tempat kerja dan di dalam keluarga.

Keempat, mesyuarat Wanita Umno sendiri tidak bersetuju kalau pun tidak menentang penubuhan Puteri Umno. Mewujudkan Puteri Umno sebagai sebuah kelab tidak bermakna langsung kerana ia ibarat boneka perhiasan saja.

Ini membayangkan betapa sesetengah pemimpin kita masih lagi tidak dapat berkongsi perasaan dengan orang muda. Mereka tidak menjiwai pemudi, bagaimana mereka hendak menguasai pemudi Melayu?

Sesetengah anggota Wanita Umno masih memandang rendah kebolehan tenaga

muda dan sentiasa curiga dengan kelantangan mereka. Inilah sikap orang kita yang masih tidak lagi sanggup berkongsi tanggungjawab dengan orang muda.

Apakah Wanita Umno sanggup berputih mata melihat kedudukan Umno dalam masa empat tahun lagi apabila pilihan raya umum diadakan?

Jika kita mahu undi majoriti, kita perlu membentuk jati diri dan fahaman anak gadis yang berumur 17 tahun ke atas mulai sekarang. Empat tahun akan datang, mereka akan menjadi pengundi.

Saya mengucapkan tahniah kepada usaha yang dilakukan untuk membentuk Puteri Umno. Puteri Umno adalah pelapis kepada kepemimpinan Umno sekarang. Menolak penubuhannya ibarat menguburkan bakat dalam jiwa pelapis ini. Berikan mereka peluang.